

**SKEMA JAWAPAN PPC 2023
BAHASA MELAYU KERTAS 2**

BAHAGIAN A: SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada

Soalan 1: 8 markah

Soalan 2: 4 markah

Soalan 3: 11 markah

Soalan 4: 6 markah

Soalan 5: 6 markah

Perhatian bagi Soalan 1

1. Berikan **1 markah** bagi setiap kata adjektif yang betul.
2. Berikan **1 markah** bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan kata adjektif tersebut.
3. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca dengan betul.
4. Sekiranya beberapa kata yang diuji telah digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
5. Kata yang diuji salah tetapi ayat yang dibina betul, berikan **0 markah**.
6. Calon menyalin/ meniru keseluruhan ayat daripada petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan, berikan **0 markah**.
7. Petikan digunakan sebagai kata nama khas atau peribahasa, berikan **0 markah**.
8. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, berikan **0 markah**.
9. Maksud ayat tidak jelas, berikan **0 markah**.
10. Tolak **1 markah** bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan soalan.(Ayat perlu ada noktah)

Soalan 1 – Morforlogi

Kata Adjektif Perasaan

- i. Cinta
 1. Perasaan atau berperasaan sangat sayang kepada (negara, orang tua, kebebasan, dll)
 2. Perasaan atau berperasaan sangat berahi (asyik, kasih sayang) antara lelaki dan perempuan
- ii. Bangga
 1. Megah
 2. Besar hati
- iii. Gembira
 1. Sangat suka, sangat girang
- iv. Benci
 1. Perihal benci (rasa, sifat benci)

(Maksimum : 8 markah)

Soalan 2 - Sintaksis

1. Berikan **2 markah** bagi setiap ayat yang betul.
2. Menyalin ayat yang berkenaan dan melabelkan ayat tersebut.

Ayat : Jemputlah masuk, Lukman.
Jenis ayat : Ayat silaan

Ayat : Makanlah apa-apa yang ada di atas meja itu.
Jenis ayat : Ayat suruhan

Ayat : Janganlah kamu segan-segan pula.
Jenis ayat : Ayat larangan

Ayat : Minta kamu tunjukkan dapur kepada saya kerana saya ingin membasuh tangan.
Jenis ayat : Ayat permintaan

(Maksimum : 4 markah)

Soalan 3 - Penyuntingan

Bahan 1

- i. ditipu : tertipu
- ii. laju : cepat
- iii. masyarakat rasai : dirasai oleh masyarakat
- iv. memberi : memberikan
- v. warga negara : warganegara
- vi. tumboh : tumbuh

[5 markah]

Bahan 2

- i. dari : daripada
- ii. meminati : berminat
- iii. keistimewaan-keistemawaan : keistimewaan
- iv. hiruk pikuk : hiruk-pikuk
- v. merasai : menikmati
- vi. lagenda : legenda
- vii. helai : keping

[6 markah]
(Maksimum : 11 markah)

Panduan pemarkahan soalan 4

Deskripsi	Markah
• Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis.	6
• Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat masih gramatis.	5
• Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat kurang gramatis.	4
• Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat gramatis.	3
• Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat kurang gramatis.	2
• Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat tidak gramatis.	1
• Ayat disalin bulat-bulat.	0
• Isi tidak mengikut urutan.	0

Soalan 4-Bahasa Melayu Standard

Cadangan jawapan

Sultan Muzaffar Syah bersetuju apabila mendengar kata-kata Tun Perak. Dalam hati baginda, Tun Perak ini tidak sesuai lagi menjadi bentara, tetapi sesuai menjadi Perdana Menteri.

Kemudian baginda menggelarnya Paduka Raja dan disuruh duduk di seri balai setaraf / sama kedudukan dengan Seri Nara Diraja. Paduka Raja pun naik lalu duduk berhampiran dengan Seri Nara Diraja di seri balai dan Seri Nara pun beralih / berengsot ke tengah.

(6 markah)

Soalan 5 – Peribahasa

(i)

- Enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing

(ii)

- Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing
- Bukit sama didaki, lurah sama dituruni
- Berat sepikul, ringan sejinjing
- Kuah sama dihirup, sambal sama dicolek
- Laba sama dibagi, rugi sama diterjuni

(ii)

- Bagaimana acuan, begitulah kuihnya
- Ke mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi
- Rebung tidak jauh dari rumpun
- Bagaimana contoh, begitulah gubahannya
- Bagaimana rupa, begitulah bayangnya

(6 markah)

BAHAGIAN B: PEMAHAMAN

Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada
Soalan 6 : 12 markah
Soalan 7. 13 markah
Soalan 8: 10 markah

Perhatian bagi soalan 6, 7 dan 8

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat anda sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap / sempurna.
3. Jawapan bagi soalan 8 hendaklah berdasarkan mana-mana novel yang dipelajari.

Panduan pemarkahan soalan pemahaman

Soalan 2 markah : Pemahaman berdasarkan teks

DESKRIPSI	MARKAH
● Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat gramatis	2
● Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat tidak gramatis	1
● Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup	
● Jawapan salah	0

Soalan 3 markah : Pemahaman berdasarkan teks

DESKRIPSI	MARKAH
● Isi cukup menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat gramatis	3
● Isi cukup / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat kurang gramatis	2
● Isi tidak cukup / menyentuh semua bahan / ayat gramatis	
● Isi tidak cukup / tidak menyentuh semua bahan	1
● Jawapan salah	0

Soalan 4 markah : Pemahaman teks

DESKRIPSI	MARKAH
● Isi cukup (3 isi) / menyentuh semua bahan /relevan dengan tugas/ ayat gramatis	4
● Isi cukup (3 isi) / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat kurang gramatis	
● Isi tidak cukup (2 isi) / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat gramatis	3
● Isi tidak cukup (1@2 isi) / tidak menyentuh semua bahan /ayat gramatis	2
● Isi tidak cukup (1 isi) / menyentuh semua bahan /ayat gramatis	
● Isi tidak cukup (1 isi) / menyentuh semua bahan /ayat kurang gramatis	1
● Jawapan salah	0

Soalan 4 markah : Pemahaman unsur KBAT dan novel

DESKRIPSI	MARKAH
● Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugasan/ ayat gramatis	4
● Isi cukup (3 isi) / / relevan dengan tugasan / ayat kurang gramatis	3
● Isi tidak cukup (2 isi) / relevan dengan tugasan ayat gramatis	
● Isi tidak cukup (1@2 isi) / ayat kurang gramatis	2
● Isi tidak cukup (1 isi) / ayat gramatis	
● Isi tidak cukup (1 isi) / ayat kurang gramatis	1
● Jawapan salah	0

Soalan 6

- i. maksud *meraikan tradisi* [2 markah]

 - merayakan adat / kepercayaan 2m
 - meraikan adat / kepercayaan 1m
 - merayakan tradisi 1m

ii. Kepentingan mengekalkan tradisi sesuatu budaya yang terdapat di negara ini.

Bahan 1

P1 mengeratkan silaturahim tanpa mengira lapisan peringkat umur melalui kerjasama erat yang ditonjolkan.

P2 mencetuskan pemikiran yang kreatif dan inovatif dalam kalangan peserta.

Bahan 2

P1 dapat dijadikan sebagai produk pelancongan untuk menarik lebih ramai pelancong mengunjungi kawasan tersebut

P2 dapat membantu mempromosikan kebudayaan yang masih banyak belum didedahkan kepada masyarakat

* NOTA: (jisi cukup : 2 jisi). Jawapan hendaklah dari Bahan 1 dan Bahan 2

(Isi cukup : 2 isi)
[maksimum: 3 markah]

- iii. Usaha mengekalkan warisan budaya di negara ka.

P1 Kerajaan perlu memberi penekanan yang lebih kepada pendidikan budaya di sekolah

P2 Kerajaan boleh menggalakkan penyelidikan dan pengumpulan maklumat tentang warisan budaya bangsa

P3 Media massa mempromosikan / membuat dokumentari

P4 Kerajaan perlu menjaga dan memulihara tempat-tempat bersejarah

P5 Ibu bapa perlu menerapkan nilai-nilai budaya dalam kehidupan

P6 Pihak sekolah boleh menggalakkan kesedaran dan pemahaman tentang warisan budaya melalui aktiviti kokurikulum / penubuhan kelab persatuan

(isi cukup : 2 isi)
[maksimum: 3 markah]

iv. Tindakan-tindakan yang boleh anda lakukan untuk memastikan program disempurnakan dengan baik.

- P1 Membuat/ membentuk jawatankuasa induk/kecil khusus untuk program ini / mengagihkan tugas mengikut jawatankuasa yang dibentuk.
- P2 Meminta nasihat/ bimbingan daripada guru
- P3 Menyertai/ menghadiri/ melibatkan diri dalam pengurusan protokol majlis rasmi
- P4 Membuat persiapan komunikasi yang berkesan/ memperkuuh penguasaan bahasa Inggeris
- P5 Menambahkan pengetahuan berkaitan budaya masyarakat melalui media massa
- P6 Membuat rujukan / kajian dan penyelidikan berkaitan kepelbagaiannya budaya masyarakat negara kita

(isi cukup : 3 isi)
[maksimum : 4 markah]

Soalan 7

i. Perasaan Ujang

- P1 rasa marah yang teramat sangat bercampur geram.
- P2 meluap-luap rasa bencinya

(isi cukup : 2 isi)
[Maksimum : 2 markah]

ii. Tindakan kejam penjajah

Bahan 1

- P1 menindas orang kampung dengan menaikkan cukai yang tinggi
- P2 hasil pertanian orang kampung dirampas sesuka hati

Bahan 2

- P1 menangkap pejuang
- P2 Meragut nyawa

Nota: Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan.

Isi cukup : 2 isi
[maksimum: 3 markah]

iii. Kepentingan mempelajari mata pelajaran Sejarah

- P1 memupuk perasaan bangga dan cinta akan negara
- P2 mengingati tokoh dan pejuang kebangsaan
- P3 mempelajari budaya dan warisan negara
- P4 mengambil sebagai pengajaran
- P5 mengukuhkan perpaduan kaum
- P6 membentuk jati diri

Isi cukup : 3 isi
[maksimum: 4 markah]

iv. Cadangan mengatasi masalah

- P1 Mengadakan pameran tentang tokoh dan pahlawan
- P2 Membuat tayangan video tentang tokoh
- P3 Mengajurkan pertandingan buku skrap / kuiz tentang tokoh
- P4 Mengadakan lawatan ke muzium negara / tugu peringatan
- P5 Mencadangkan untuk membuat sudut tentang tokoh di kelas

Isi cukup : 3 isi
(maksimum: 4 markah)

Soalan 8

i. Kampung Seri Purnama dikatakan tidak terlalu mundur kerana

- P1 Lampu kuning juga dipasang berselang tiga tiang elektrik.
- P2 Jalannya sudah diturap
- P3 Lengkap dengan sekolah, balai raya dan klinik desa
- P4 Ada pula sebuah bangunan yang dijadikan pusat komoditi pertanian.

Maksimum : 4 markah
Isi cukup : 3 isi]

Panduan pemarkahan bagi Soalan 8(ii)

1. Jawapan berdasarkan **dua buah novel** yang dipelajari.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
3. Beri **1 markah** bagi setiap isi/fakta/peristiwa yang betul.
4. Beri **1 markah** bagi ulasan/ huraian yang lengkap / jelas.
5. Markah isi maksimum **4 markah**
6. Markah bahasa maksimum **2 markah**, diberi secara gambaran seluruh.
Baik : 2 markah
Lemah : 1 markah
7. Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri **1 markah** untuk bahasa.
8. Calon tidak menjawab **0 markah**

[Maksimum : 6 markah]

ii. **Peristiwa yang menunjukkan sikap bertanggungjawab dalam kehidupan Novel Di Sebalik Dinara**

1. Peristiwa Azraai memasang *retinal scanner* di pintu apartment rumah Farisha untuk menjaga keselamatan Farisha setelah berlaku satu kes pembunuhan tidak jauh dari tempat tinggal Farisha.
Huraian : Peristiwa ini menunjukkan tanggungjawab seorang abang dalam melindungi keselamatan adiknya.
2. Peristiwa Azraai menjalankan tanggungjawab menjaga Farisha dengan baik dan menyimpan rahsia identiti Farisha. Dia juga bertanggungjawab untuk memastikan semua mikro cip yang terdapat dalam badan Farisha masih kekal.
Huraian : Peristiwa ini menunjukkan bahawa Azraai telah menjalankan tanggungjawab yang diberikan kepadanya dengan sangat baik.
3. Peristiwa keluarga Azraai menerima Farisha sebagai anak angkat dengan memberikan sepenuh kasih sayang dan mendidik Farisha menjadi seorang muslim.
Huraian : Peristiwa ini menunjukkan sikap tanggungjawab ibu bapa angkat Farisha ketika menjaga dan membesarkan Farisha tanpa pilih kasih.
4. Peristiwa Azraai yang memberitahu Farisha tentang masalah penyakit jantung yang dihadapinya ketika Farisha datang untuk makan malam di rumah Azraai.
Huraian : Peristiwa ini menunjukkan tanggungjawab seorang abang yang perlu memberitahu adiknya tentang penyakit yang dihadapi kerana risau jika berlaku perkara yang tidak diingini.
5. Peristiwa Farisha dan Rosman menghadiri simposium kerana berminat untuk mendengar ucapan Philips Young dan ingin menambah ilmu pengetahuannya berkaitan keselamatan komputer. Mereka menghadiri simposium tersebut dengan bayaran sendiri demi memajukan syarikat mereka.
Huraian : Peristiwa ini menunjukkan tanggungjawab seseorang untuk sentiasa menambah ilmu pengetahuan untuk kegunaan pada masa hadapan.
6. Peristiwa Dr Maxi dan Aqram berusaha menunaikan amanah Karl agar mencari Farisha sehingga ditemui untuk menyelamatkan Dinara daripada virus yang dihantar oleh musuh Karl.
Huraian : Peristiwa ini menunjukkan tanggungjawab Dr Maxi dan Aqram yang berusaha sebaiknya dalam menyelesaikan tugas yang diperikan oleh Karl.
7. Peristiwa Aqram telah menegur seorang wanita yang sedang asyik berbual di telefon dengan suara yang kuat dan mengganggu urusan orang lain sewaktu urusan daftar masuk di kaunter lapangan terbang dengan sopan.
Huraian : Peristiwa ini menunjukkan tanggungjawab seorang ketika menegur perbuatan yang tidak baik dan mengganggu orang lain hendaklah dilakukan dengan berhemah.
8. Peristiwa Shida yang sedang bermain skuasy segera pulang ke rumah apabila Farisha memaklumkan bahawa dia tidak dapat masuk ke rumah kerana kadnya tidak boleh digunakan lagi.
Huraian : Peristiwa ini menunjukkan tanggungjawab seorang rakan dalam membantu rakannya ketika menghadapi masalah.
9. Peristiwa Shida yang segera bangun dari tidur apabila dikejutkan oleh Farisha yang meminta pertolongannya untuk dihantar ke stesen monorel.
Huraian : Peristiwa ini menunjukkan tanggungjawab seorang rakan dalam membantu rakannya yang menghadapi kesukaran.

10. Peristiwa Rosman dan Shida pergi melawat Farisha di hospital Putrajaya kerana Farisha tiba-tiba pengsan semasa sedang bekerja di pejabatnya.
Huraian : Peristiwa ini menunjukkan tanggungjawab seorang rakan untuk bertanya khabar dan menziarahi rakannya yang sedang sakit.
11. Peristiwa Aqram yang terencat akal telah diubah dan dijadikan cyborg 30 tahun dahulu oleh Karl menjadikan hidup Aqram (Aqeem) jauh lebih baik.
Huraian : Peristiwa ini menunjukkan tanggungjawab seorang abang untuk memberikan kehidupan baharu yang lebih baik untuk adiknya.
12. Peristiwa upacara pengebumian Karl yang diadakan di Port Dickson seperti yang diwasiatkan oleh Karl sebelum dia meninggal dunia.
Huraian : Peristiwa ini menunjukkan tanggungjawab untuk menyempurnakan wasiat Karl yang mahukan mayatnya dibakar dan abunya ditabur di Selat Melaka.

Novel Silir Daksina karya Nizar Parman

1. Peristiwa Cikgu Zam yang sanggup melatih Ai Ling mendeklamasikan sajak sehingga lewat petang. Pengorbanannya berbaloi apabila Ai Ling mendapat johan dalam pertandingan deklamasi sajak yang disertainya.
Huraian : Peristiwa ini menunjukkan tanggungjawab seorang guru yang berusaha dengan gigih untuk melatih muridnya sehingga berjaya.
2. Peristiwa Tauke Ong yang gigih mencari rezeki bagi menampung kehidupan keluarganya dengan menoreh getah pada waktu pagi dan memungut hasil kampung pada waktu petang demi menyara kehidupan keluarganya.
Huraian : Peristiwa ini menunjukkan tanggungjawab ketua keluarga dalam memberikan kesenangan kepada ahli keluarganya.
3. Peristiwa Tauke Ong bertanggungjawab menjaga kebun kelapa sawit yang ditinggalkan oleh Abdullah bin Kayan dan menyerahkan segala harta tersebut kepada Haiqal ketika Haiqal pergi ke Kampung Seri Purnama.
Huraian : Peristiwa ini menunjukkan tanggungjawab dalam menunaikan amanah yang telah diberikan.
4. Peristiwa penduduk Kampung Seri Purnama bekerjasama menjayakan majlis sambutan Hari Kemerdekaan peringkat mukim dan persediaan menyambut kedatangan Yang Berhormat.
Huraian : Peristiwa ini menunjukkan sikap tanggungjawab setiap penduduk Kampung Seri Purnama bagu memastikan majlis yang dirancang berjalan lancar.
5. Peristiwa penduduk Kampung Seri Purnama rajin solat berjemaah di masjid setiap kali waktu solat.
Huraian : Peristiwa ini menunjukkan tanggungjawab seseorang dalam melaksanakan perintah agama.
6. Peristiwa ibu, ayah tiri dan adik tiri Haiqal hadir di balai raya Kampung Seri Purnama untuk menyaksikan Haiqal mempersembahkan tarian zapin jincat.
Huraian : Peristiwa ini menunjukkan tanggungjawab ahli keluarga dalam memberikan sokongan antara satu sama lain.

7. Peristiwa Cikgu Amirulnizam menumpangkan anak Tauke Lim iaitu Ai Ling dan Ai Ching ke sekolah kerana kereta Tauke Lim tidak dapat dihidupkan akibat bateri yang lemah.
Huraian : Peristiwa ini menunjukkan tanggungjawab dalam membantu masyarakat setempat yang ditimpa kesusahan.
8. Peristiwa Haiqal yang memujuk rakannya Ratna yang menangis setelah gagal mendapat keputusan yang baik dalam peperiksaan SPM.
Huraian : Peristiwa ini menunjukkan tanggungjawab seorang sahabat dalam memahami dan menenangkan kesedihan sahabatnya.
9. Peristiwa Haiqal solat subuh terlebih dahulu di hentian bas dan teksi Batu Pahat sebelum meneruskan perjalanan ke Kampung Seri Purnama.
Huraian : Peristiwa ini menunjukkan tanggungjawab dalam melaksanakan suruhan agama.
10. Peristiwa walid / Abdul Fatah menghantar Haiqal sehingga ke muka pintu rumah mereka dan berjanji akan memberikan wang belanja untuk kegunaan Haiqal sepanjang berada di Kampung Seri Purnama.
Huraian : Peristiwa ini menunjukkan tanggungjawab seorang bapa terhadap anaknya walaupun hanya anak tiri.
11. Peristiwa See Hwa bersetuju menggantikan tempat Lazim untuk menari zapin apabila Lazim ditimpa kemalangan.
Huraian : Peristiwa ini menunjukkan sifat tanggungjawab See Hwa bagi memastikan tarian zapin jincat dapat dipersembahkan dengan baik.
12. Peristiwa See Hwa yang telah menghantar manuskrip tulisan tangan Abdullah bin Kayan kepada Haiqal seperti yang telah diamanahkan oleh Abdullah bin Kayan walaupun dia sangat menyayangi manuskrip itu.
Huraian : Peristiwa ini menunjukkan tanggungjawab dalam melaksanakan amanah yang diberikan.
13. Peristiwa bapa Cikgu Zam yang telah membenarkan Tauke Lim mengambil upah menoreh getah di kebunnya bagi menampung kehidupan keluarganya setelah semua harta dan tanah keluarga Tauke Lim telah habis digadaikan oleh abangnya yang kalah judi.
Huraian : peristiwa ini menunjukkan tanggungjawab dalam membantu seseorang walaupun berbeza kaum.
14. Peristiwa umi Haiqal memberitahu Haiqal tentang lelaki yang dipanggil ‘walid’ bukanlah ayah kandungnya ketika Haiqal berumur enam tahun.
Huraian : Peristiwa ini menunjukkan bahawa umi telah menjalankan tanggungjawabnya dalam memberitahu perkara sebenar kepada Haiqal dari awal.

Nota :

Haiqal / Haikal / Aiman

Abdullah bin Kayan / Cikgu Amirulnizam / Cikgu Zam

Ai Ling / Ong See Hwa

Tauke Lim / Tauke Ong

Umi / Rafiqah

Walid / Abdul Fatah

BAHAGIAN C RUMUSAN

Soalan 9

Markah penuh 30 dibahagi kepada:

- (a) Isi maksimum - 20 markah
 (b) Bahasa maksimum - 10 markah

(a) Isi [20 markah]

Nota:

- i. Panduan mengira perkataan.

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:

- Nama khas
- Perkataan berganda
- Penggunaan kata sendi di dan ke
- Tarikh
- Angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- Gelaran
- Penanda wacana
- Peribahasa

- ii. Kira dan tandakan jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja diperiksa.

- iii. Periksa jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja. Selebihnya tidak perlu diperiksa.

- iv. Berikan 2 markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

- v. Calon perlu mengambil sekurang-kurang 1 isi daripada setiap fokus dan daripada setiap bahan.

- vi. Jumlah isi maksimum yang diterima daripada semua fokus ialah 8 isi yang lengkap sahaja seperti jadual di bawah.

Bahagian	Bilangan Isi	Bilangan isi diterima (8 isi lengkap)												Markah maksimum
Pendahuluan													2	
Isi Bahan 1														
Fokus 1 (Faktor / Punca / Sebab) A	4	4	3	3	3	2	2	2	2	2	1	1		
Fokus 2 (Cara / Langkah / Usaha) B	3	2	3	2	1	3	2	2	2	1	3	2		
Isi Bahan 2														
Fokus 1 (Faktor / Punca / Sebab) C	3	1	1	2	3	2	3	2	3	4	3	3		
Isi Bahan 3														
Fokus 2 (Cara / Langkah / Usaha) D	2	1	1	1	1	1	1	2	1	1	1	2		
Jumlah Isi	12	8	8	8	8	8	8	8	8	8	8	8		
Penutup / Kesimpulan													2	
Jumlah Markah														20

16

b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tidak bergantung kepada markah isi tetapi dinilai secara holistik.

PERINGKAT	MARKAH	BAHASA
Cemerlang	8-10 markah	<ul style="list-style-type: none"> ● Kesinambungan ayat sangat baik ● Bahasa sangat gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat, ejaan mengikut sistem ejaan rumi baharu. ● Penggunaan kosa kata luas dan tepat. Pengolahan sangat menarik dan berkesan. Kesinambungan ayat baik. Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat, ejaan mengikut sistem ejaan rumi baharu. Penggunaan kosa kata luas dan tepat. ● Pengolahan menarik dan berkesan. Kesinambungan ayat kurang baik. Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang masih betul dan tepat, ejaan mengikut sistem ejaan rumi baharu. ● Penggunaan kosa kata kurang luas dan kurang tepat. Pengolahan kurang menarik dan kurang berkesan. Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan tidak memuaskan / kurang atau tidak difahami.
Baik	5 - 7 markah	<ul style="list-style-type: none"> ● Kesinambungan ayat sangat baik. ● Bahasa sangat gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat, ejaan mengikut sistem ejaan rumi baharu. ● Penggunaan kosa kata luas dan tepat. Pengolahan sangat menarik dan berkesan
Sederhana	3 - 4 markah	<ul style="list-style-type: none"> ● Kesinambungan ayat baik. Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat, ejaan mengikut sistem ejaan rumi baharu. ● Penggunaan kosa kata luas dan tepat. Pengolahan menarik dan berkesan. Kesinambungan ayat kurang baik. Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang masih betul dan tepat, ejaan mengikut sistem ejaan rumi baharu. ● Penggunaan kosa kata kurang luas dan kurang tepat. Pengolahan kurang menarik dan kurang berkesan. Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan tidak memuaskan / kurang atau tidak difahami
Lemah	1 - 2 markah	<ul style="list-style-type: none"> ● Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan tidak memuaskan / kurang atau tidak difahami

Nota:

- i. Jika menjawab dalam bentuk poin/fakta markah bahasa ialah pada peringkat lemah.
- ii. Jika markah isi 6 markah ke atas, markah bahasa dinilai seperti biasa (rujuk jadual)
- iii. Jika markah isi 5 markah ke bawah tetapi bahasa sangat baik, markah maksimum bahasa ialah 5.
- iv. Jika disalin bulat-bulat perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang 120 patah perkataan berikan 0 markah bahasa.
- v. Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah bahasa dinilai seperti biasa.

(Maksimum: 10 markah)

Soalan 9 – Rumusan

Pendahuluan:

Rumusan membincangkan faktor-faktor/ punca-punca/ sebab-sebab kemalangan jalan raya (**Fokus 1**) dan langkah-langkah/ cara-cara/ usaha-usaha mengatasi kemalangan jalan raya (**Fokus 2**)

Isi:

Bahan 1 – Fokus 1 (faktor-faktor/ punca-punca/ sebab-sebab kemalangan jalan raya)

- A1 pemandu kenderaan yang memandu di bawah pengaruh dadah atau alkohol
- A2 kurang tidur atau mengantuk semasa memandu
- A3 keadaan cuaca yang buruk
- A4 papan tanda keselamatan yang tidak dipasang dengan baik

Bahan 1 – Fokus 2 (langkah-langkah/ cara-cara/ usaha-usaha mengatasi kemalangan jalan raya)

- B1 pihak kerajaan perlulah menguatkuasakan undang-undang jalan raya
- B2 pengguna jalan raya perlu memberi perhatian sepenuhnya semasa memandu
- B3 mengelakkan penggunaan telefon bimbit semasa memandu

Bahan 2 – Fokus 1 (faktor-faktor/ punca-punca/ sebab-sebab kemalangan jalan raya)

- C1 memandu melebihi had laju yang ditetapkan
- C2 tidak mematuhi lampu isyarat
- C3 memandu di lorong kecemasan

Bahan 3 – Fokus 2 (langkah-langkah/ cara-cara/ usaha-usaha mengatasi kemalangan jalan raya)

- D1 ikut peraturan / mengikut peraturan
- D2 berhati-hatilah di jalan raya / berhati-hati di jalan raya

Kesimpulan

Kesimpulannya, kemalangan jalan raya perlulah diatasi agar banyak nyawa dapat diselamatkan (**2 markah**)

Kesimpulannya, kemalangan jalan raya perlulah diatasi. (**1 markah**)

Kesimpulannya, kemalangan perlulah diatasi. (**0 markah**)

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT